

Indranees yakin potensi prasarana dorong kegiatan niaga

PRASARANA kekal menjadi bidang berpotensi untuk meningkatkan kegiatan perniagaan dan pekerjaan, di tengah-tengah ramalan ekonomi yang suram disebabkan pandemik Covid-19, kata Menteri di Pejabat Perdana Menteri merangkap Menteri Kedua Keuangan Indranees Rajah.

Ekonomi yang berkembang memerlukan infrastruktur yang boleh dipercayai untuk menjalankan peranan penting semasa menghadapi cabaran luaran, kata Cik Indranees semalam.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis penandatanganan maya untuk melancarkan program pembangunan kewangan infrastruktur bagi pegawai pemerintah serantau, lapor *The Straits Times*.

"Prasarana boleh menghidupkan semula kegiatan perniagaan dan pekerjaan sedang

kita berusaha untuk membuka kembali ekonomi kita secara beransur-ansur," ujarnya.

Menambah bahawa prasarana mampan akan membentuk masa depan, beliau berkata:

"Sekarang ini kita telah melihat banyak negara di rantau ini membangun projek infrastruktur inovatif untuk mengatasi keperluan segera dan trend masa depan.

"Adalah penting bahawa rantau ini menggunakan masa ini untuk memacu ke arah kemampanan."

Dibangunkan oleh Infrastruktur Asia (IA) dan Kumpulan Bank Dunia, serta disampaikan oleh Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Program Membangun Infrastruktur akan melatih pegawai pemerintah kanan dan pangkat pertengahan yang terlibat dalam penyediaan projek.



CIK INDRANEES RAJAH

— Foto fail

Selain mewujudkan sekitaran pengawalseliaan yang memudahkan penglibatan sektor swasta dan perkongsian awam-swasta dalam infrastruktur, program itu akan meningkatkan kesedaran mengenai huraian yang ditawarkan oleh syarikat berpangkalan di Singapura dan ekosistem infrastruktur Singapura, kata Cik Indranees.

Sebagai permulaan, program tersebut akan memberi tumpuan kepada tenaga bersih, sektor yang berdaya tahan meskipun dalam wabak ini.

Kata Cik Indranees lagi, banyak sumber kewangan antarabangsa masih tersedia dan amat berminat untuk menyokong projek tenaga bersih, katanya.

"Oleh itu, sektor swasta antarabangsa dapat terus menyumbang kepada bidang pembangunan infrastruktur ini," ujarnya.

Turut menyaksikan majlis penandatanganan maya itu ialah Pengarah Bank Dunia Singapura Cik Jyoti Shukla; Pengarah Eksekutif IA Encik Seth Tan; dan Presiden SMU, Profesor Lily Kong.

"Kami berharap dapat menyokong pembangunan infrastruktur Asia dan, pada masa yang sama, menyebarkan berita mengenai huraian yang berpusat di Singapura," kata Encik Tan daripada IA.

Cik Shukla pula menekankan perlunya melabur dalam infrastruktur yang dirancang dengan baik untuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

"Kumpulan Bank Dunia gembira dapat menjadi rakan strategik dalam program yang sangat penting ini untuk memanfaatkan kepakaran kolektif Asia dengan kerjasama antara pemain swasta, pemerintah dan bank berbilang hala," katanya.